

Hujan, ombak besar punca bekalan ikan berkurangan

BH 24/5/2022 MS : 3

Alor Setar: Ketika masalah kekurangan bekalan ayam belum selesai, stok ikan juga menyusut dan harga beberapa jenis ikan meningkat kerana nelayan tidak dapat ke laut.

Bekalan ikan kini jatuh kepada satu pertiga daripada jumlah biasa kerana ombak besar dan hujan di laut menghalang nelayan di beberapa negeri mendapat hasil seperti biasa.

Selain itu, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) menjelaskan air pasang besar luar biasa yang melanda negara baru-baru ini, antara faktor pendaratan ikan terutama di utara Semenanjung berkurangan.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari, berkata susulan fenomena itu, dianggarkan sehingga



Abdul Hamid Bahari

"Keadaan menjadi semakin sukar apabila air pasang besar luar biasa turut berlaku di Kuala Kedah dan Kuala Muda minggu lalu, yang sebelum ini jarang berlaku," katanya semalam.

Akhbar melaporkan pendara-

60,000 nelayan tidak dapat turun ke laut kerana ombak besar, angin kencang dan hujan di laut.

Selain di Kedah, katanya, keadaan sama yang turut berlaku di beberapa jeti utama pendaratan ikan di negeri lain sehingga menjelaskan hasil ikan di seluruh negara, ketika ini.

"Sejak dua bulan lalu, keadaan cuaca tidak menentu berlaku di laut menyebabkan hasil tangkapan nelayan terjejas, sehingga harga pasar ikan melambung tinggi ketika ini.

tan ikan terutama di utara Semenanjung berkurangan dari pada satu juta tan sebulan kepada 300,000 tan, berikutan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu, menyebabkan harga ikan turut meningkat.

Abdul Hamid berkata, disebabkan permintaan pasaran yang kelonggaran tinggi, harga ikan dan hasil laut lain dijangka terus meningkat.

"Nelayan mendakwa sekiranya mereka turun ke laut ketika ikan berkurangan di laut, tidak balik modal jika pulang dengan hasil tangkapan yang sedikit.

"Nelayan masih perlu menanggung kos minyak dan kos sampaningan lain," katanya.

Peniaga ikan di pasar Sik, Abdul Ghani Mat Piah, 65, berkata harga ikan kembung pernah mencecah sehingga RM20 sekilogram, berikutan bekalan sangat berkurangan.

Katanya, harga ikan itu tidak



Harga ikan di pasar Sik meningkat berikutan kekurangan bekalan akibat cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

pernah turun daripada RM10, walaupun ikan kembung bersaiz kecil.

"Seperti hari ini (semalam) saya jual ikan kembung saiz kecil dengan harga RM12 sekilogram (kg). Saya ambil ikan ini di pasar

borong Alor Setar. Cuma dapat 20 kg. Bekalan terhad sejak dua bulan lalu.

"Bekalan ikan selayang pula saya ambil daripada ikan sejuk beku atau Q-Fish," katanya semalam.